

Perkembangan Islam Di Pulau Maluku

Pulau-pulau Maluku memang sudah lama terkenal dalam sejarah perkembangan Islam di Asia Tenggara. Orang-orang Arab yang pernah bekerja keras menyiarkan Islam kepada penduduknya menamakannya “juzai’r al-malūku” (pulau-pulau raja-raja). Catatan yang disajikan di bawah ini ialah pati tulisan Tuan “Sāfī A’līmīn” yang telah berpeluang melawat ke sana baharu-baharu ini dan menyaksikannya dari dekat-P.Q.

Banyak kita yang menyangka, bahawa di Kepulauan Maluku, terutama Maluku Tengah dan Maluku Selatan itu, sangat sedikit umat Islam. Kalau ada, hanyalah terdiri dari orang-orang yang datang, yang mendiami bandar-bandar di tepi pantai. Tinjauan sepintas lalu yang di bawah ini memberi gambaran kepada pembaca, tentang keadaan umat Islam dan perkembangan agama Islam di Ambon, dan Wilayah Maluku umumnya.

Pada mulanya saya sangka seperti itu, tetapi sebaik-baik sahaja saya menghampiri Bandar Ambon dengan motor buat dari pangkalan terbang “Laha” maka yang pertama-pertama kelihatan di antara bangunan-bangunan bandar itu ialah Masjid Jamek Ambon.

Bandar Ambon terletak di Pulau Ambon yang menjadi ibu negeri Kepulauan Maluku. Orang-orang Islam di Pulau Ambon adalah dianggarkan kira-kira 60 puluh peratus dari seluruh penduduk. Bandar Ambon berpenduduk 50 peratus Islam. Dalam pergaulan hari-hari dengan mudah dapat kita mengenal yang Islam dengan yang bukan Islam. Orang Ambon yang beragama Islam mudah dikenal kerana yang lelakinya bersongkok dan yang perempuannya memakai kebaya potongan Jawa. Sebaliknya orang Ambon yang beragama Kristian, lelakinya tidak memakai songkok dan yang perempuannya memakai kebaya “setengah tiang” seperti pakaian kebanyakan wanita Ambon yang kerap kali dijumpai di Jakarta atau di lain-lain bandar di Pulau Jawa.

Betul, di antara anak-anak muda Islam, ada juga yang

tidak memakai songkok dalam masa menunaikan pekerjaan hari-hari, tetapi pada amnya songkok itu tetap dipandang sebagai tanda Islam. Kepada seorang yang bersongkok tak salah lagi kalau kita ucapkan “Assalamualaikum” kepadanya. Kalau saudara ingin cepat mendapat teman dan saudara mudah dikenal oleh teman sesama Muslim, maka pakailah songkok di Pulau Ambon.

Panggilan terhadap orang-orang Kristian, ialah “oom” (oom) bagi lelaki dan “tante” (tante) bagi perempuan. Lelaki Islam merasa dihina kalau dipanggil “oom”, tetapi hendaklah dipanggil “bapa” atau “saudara”, dan perempuan Islam dipanggil: “ibu”. Pergaulan di antara pemeluk kedua-dua agama itu nampaknya aman dan baik.

Di Bandar Ambon, ada beberapa masjid dan beberapa buah sekolah agama Islam. Di antara perusahaan orang Islam di bandar ini ialah membuat barang-barang dari kulit mutiara, dengan halus dan indah buatannya.

Di Maluku Tengah dan Maluku Selatan, umumnya orang-orang Islam tergolong dari kaum perusahaan, menjadi tani, tukang, nelayan dan saudagar. Tekanan Belanda dalam zaman penjajahan, menyebabkan mereka jarang mendapat pelajaran dengan mudahnya apalagi melanjutkan pelajarannya. Sebab itu buta huruf dalam kalangan mereka amat besar jumlahnya, tetapi membaca huruf al-Quran - huruf Arab, hampir semuanya sanggup. (Jelasnya mereka hanya buta huruf dalam membaca dan menulis huruf rumi atau

Latin, tetapi mereka lancar membaca dan menulis huruf arab, berkat membaca Quran dan mengaji kitab-kitab agama -P.Q).

Mereka tidak dapat memegang jawatan pemerintahan, tetapi sebaliknya mereka kuat dalam lapangan ekonomi dan hidup merdeka. Menjadi babu dan pelayan dipandang haram oleh mereka, kerana mesti bersentuhan dengan Belanda. Mereka jarang meninggalkan negerinya, tentulah dagangan mereka pada masa itu terbatas di keliling daerah mereka sendiri. Jarang yang menyeberang ke pulau lain, seperti ke Sulawesi dan Jawa.

Dalam zaman kemerdekaan ini, mereka mendapat kedudukan dalam ekonomi, sehingga toko-toko di Ambon sebahagian besar adalah dipunyai, kalau tidak oleh orang Cina, tentulah oleh orang Islam. Kesempatan belajar mereka rebut, hingga sekarang telah banyak pemuda pemudi Islam Maluku yang duduk dalam perguruan-perguruan tinggi di Jawa, baik dalam perguruan umum negeri ataupun dalam perguruan-perguruan yang berdasarkan Islam. Menjadi pegawai pun telah banyak pula, walaupun kantor pendidikan agama di Ambon, belum semua pegawainya orang Islam.

Kalau kita memandang atas seluruh daerah Maluku, maka kita umat Islam bolehlah merasa bangga, kerana dalam kalangan umat Islam di sana tidaklah mengecewakan dan keteguhan saudara-saudara kita di Maluku memegang agamanya, tidak akan meragukan. Dengan ringkas dapat disebutkan bahawa sembahyang, bagi mereka ialah tanda utama bagi keislamannya seseorang. Jadi orang-orang yang beragama Islam, tetapi tidak melakukan sembahyang, hampir tidak akan terjumpa di kalangan mereka.

Tetapi di sebalik kebanggaan itu, kita sedih melihat

dan memikirkan pertumbuhan agama Islam pada masa yang akan datang, kerana madrasah-madrasah sangatlah kurang.

*

Daerah Maluku terjadi dari 3 kabupaten, iaitu Maluku Utara dengan ibu kotanya: Ternate (Ternate) Maluku Tengah dengan ibu kotanya: Ambon (Ambon) dan Maluku Selatan dengan ibu kotanya: Tual (Tual). Kota Ambon sendiri sebuah kota besar.

Di Maluku Utara, umat Islam menjadi puak besar, sebaliknya Maluku Selatan, umat Islam menjadi puak kecil. Di Maluku Tengah, bandingannya umat Islam dengan pemeluk Kristian ialah kira-kira sama banyak. Dengan demikian dari seluruh penduduk daerah Maluku yang jumlahnya 750,000 jiwa itu, sekurang-kurangnya 350,000 daripadanya beragama Islam.

*

Sebagaimana yang diketahui, Irian Barat adalah dekat sekali dengan Maluku. Dari pantai timur Pulau Seram (Seram), hujung Irian sebelah barat telah samar-samar kelihatan. Saya berjumpa dua tiga pemuda di Ambon yang mengatakan ia telah pergi ke Irian. Kita menyangka mereka pergi ke sana tentulah kerana urusan perniagaan. Tetapi ternyata mereka itu pergi ke Irian kerana urusan kepentingan agama, yakni menjadi guru agama di madrasah-madrasah di sana. Pulau-pulau yang banyak berserak di Irian Barat itu, berpenduduk Islam. Sungguhpun belum banyak tetapi agama Islam telah menjalar di pulau-pulau dan di pantai barat Irian itu. Malah disampaikan kepada saya, bahawa seorang raja airan yang telah berkunjung kepada Presiden Sukarno pada kira-kira setahun yang lalu adalah memeluk agama Islam.- "Dunia Madrasah", Jakarta.